



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**JURUTAYANG KANAN (C.1 EB.2)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTAYANG KANAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Teknikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Jurutayang / Pemandu atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
3. Mempunyai kelulusan Sijil Sekolah Rendah Ugama Darjah Enam (IV) (SSRU).
4. Hendaklah tahu membaca Al-Quran, membaca dan menulis jawi dengan baik.
5. Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penayangan wayang gambar serta penggunaan peralatan-peralatan seperti filem projektor, alat-alat pembesar suara dan seumpama dengannya tidak kurang dari 5 tahun di samping boleh membaiki kerosakan kecil bagi peralatan-peralatan tersebut.
6. Mengetahui cara berda'wah serta urusan-urusan pengislaman dan kebajikan saudara-saudara baru adalah kelebihan.
7. Sanggup bertugas di kawasan-kawasan pendalaman dan ditukar ke Bahagian Da'wah dan Tabligh Daerah-Daerah.
8. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 (tidak mansuh). Mempunyai Lesen Memandu Kelas 5 (tidak mansuh) adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas sebagai Ketua Jurutayang Kanan dan mengendalikan alat pembesar suara serta projektor;
2. Pengawas peralatan pembesar suara (termasuk merekod dalam buku kawalan stok);
3. Bertanggungjawab dalam memelihara peralatan-peralatan pembesar suara supaya sentiasa dalam keadaan baik;
4. Melaksanakan tugas dan turut serta dalam lawatan-lawatan da'wah kepada masyarakat bukan Islam dan mengikuti lawatan Bimbingan Ugama pada waktu malam mengikut jadual yang telah dirancang;
5. Bertanggungjawab dalam tugas kerja-kerja gotong-royong (Da'wah Bil Hal) yang dirancang oleh Pusat Da'wah Islamiah dan Unit Da'wah Daerah secara bermusim;
6. Bertanggungjawab sebagai pemandu kereta di Unit Da'wah Daerah; dan
7. Menerima dan melaksanakan arahan dari semasa ke semasa.